

KORONAVIRUS

Saintis setempat sasar uji vaksin koronavirus dalam masa 3 bulan

Masa diperlukan untuk hasilkan vaksin, uji keselamatan dan kesesuaian atas pesakit

PARA saintis Singapura berkata mereka sedang berusaha membangunkan vaksin bagi koronavirus, dengan rancangan untuk mula mengujinya dalam masa sesingkat tiga bulan.

Pada masa yang sama, ubat anti-viral seperti yang digunakan dalam merawat HIV sedang digunakan bagi pesakit di sini dalam usaha mendapatkan “ubat ajaib” bagi menentang virus itu, lapor *The Straits Times* (ST).

Ketua saintis Kementerian Kesihatan (MOH), Profesor Tan Chorh Chuan, berkata Sekolah Perubatan Duke-NUS juga sedang bekerjasama dengan Gabungan bagi Inovasi Kesediaan Wabak (CEPI) untuk mula menguji vaksin tersebut di sini.

Menurut laporan ST, adalah difahamkan

ia dijangka dapat dilakukan dalam tempoh tiga bulan.

Masa itu diperlukan untuk membangunkan vaksin tersebut dan menguji keselamatan dan kesesuaiannya buat pesakit, kata beliau dalam satu sidang media semalam.

Pertemuan itu menyaksikan lapan pakar penyakit berjangkit Singapura berkumpul untuk memberi perincian tentang apa yang sedang dilakukan bagi menentang virus itu dari kedua-dua sudut iaitu sains dan kesihatan.

Percubaan vaksin itu akan melibatkan pemberian vaksin kepada relawan yang sihat, yang akan dipantau bagi kesan sampingan.

Mereka juga akan dipantau untuk melihat kesan vaksin itu ke atas sistem imun mereka.

Vaksin itu pada dasarnya merangsang sistem imun individu agar ia meningkatkan respons perlindungan terhadap virus tersebut.

CEPI, yang ibu pejabatnya terletak di Norway, merupakan sebuah perikatan awam-privet yang bertujuan menentang wabak dengan mempercepatkan pembangunan vaksin.

Koronavirus menular secara lebih meluas di Singapura kini, dengan lebih separuh daripada 43 orang yang dijangkiti di sini merupakan kes penularan setempat.

Manakala enam pesakit dalam keadaan genting.

Di peringkat sejagat, saintis sedang mengejar masa dalam membangunkan vaksin terhadap virus itu, yang telah mera-

gut lebih 900 nyawa dan menjangkiti lebih 40,000 orang, dengan kes-kes dilaporkan di 24 negara lain.

Membangunkan vaksin biasanya makan bertahun lamanya dan melibatkan proses panjang untuk mengujinya ke atas haiwan, percubaan klinikal ke atas manusia dan kelulusan badan kawal selia.

Namun, pengarah Program Duke-NUS dalam Penyakit Berjangkit Baru, Profesor Wang Linfa, berkata CEPI sudah mempunyai beberapa proses yang disediakan, termasuk kaedah pengeluaran, yang boleh digunakan dengan pantas apabila virus baru muncul.

“Oleh itu, apabila virus itu muncul, ia boleh terus digunakan,” kata beliau.

Kajian juga sedang dijalankan untuk mem-

bangunkan ubat antivirus, yang boleh memberi manfaat kepada pesakit dalam jangka pendek.

Profesor Tan berkata Pusat Nasional bagi Penyakit Berjangkit (NCID) sedang bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi menyesuaikan ubat sedia ada untuk tujuan berlainan bagi pesakit yang sakit teruk.

Pengarah Pejabat Kajian dan Latihan Penyakit Berjangkit NCID, Profesor Madya David Lye, menjelaskan:

“Ubat yang disesuaikan bagi tujuan lain adalah ubat yang telah menunjukkan keberkesanannya ke atas haiwan di makmal. Ia mempunyai profil keselamatan yang membolehkannya diuji ke atas manusia.”

Bagaimanapun, beliau berkata terdapat keperluan bagi percubaan lanjut untuk menguji keberkesanan ubat sedemikian.